

300 ahli lembaga pengarah

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PERBATUAN SYARIKAT2 MARA DIPUNTA SEMULA

Oleh AHMAD PUAD OHAH

KUALA LUMPUR, Selasa — MARA sedang menyusun semula pengurusan dan lembaga pengarah semua syarikat di bawah kelolaannya untuk meningkatkan lagi prestasi dan kecekapan pentadbirannya.

Di bawah perubahan yang diumumkan oleh Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid hari ini, semua kekosongan jawatan ahli lembaga pengarah di dalam syarikat-syarikat milik MARA akan diisi sepenuhnya. Langkah tersebut, di samping memastikan kelancaran pengurusan syarikat-syarikat itu, juga bertujuan memberi peluang kepada lebih ramai eksekutif Bumiputera mengambil bahagian cergas dalam pentadbiran dan pengurusan syarikat.

Memegang

Minggu lalu, Datuk Sanusi mengumumkan perlantikan bekas Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim Abu BARMARA yang baru mulai 16 Oktober ini. Dalam satu perjumpaan di sini, beliau berkata, pihaknya menjangka akan dapat melahirkan kira-kira 300 ahli lembaga pengarah terdiri dari eksekutif Bumiputera apabila jawatan jawatan di dalam syarikat-syarikat milik MARA diisi.

Mereka akan menjadi kumpulan inti perubahan Bank Bakat Eksekutif Bumiputera yang sedang ditubuhkan untuk mengisi keperluan kekurangan tenaga pengurusan di dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan, ujarnya.

Bagi manapun, beliau berkata, seseorang eksekutif



● DATUK SANUSI JUNID

tidak akan dibenarkan memegang lebih dua jawatan ahli lembaga pengarah syarikat milik MARA bagi memastikan tumpuan sepenuhnya terhadap tugas dan tanggungjawab yang diberi.

Pada masa ini, terdapat seseorang eksekutif menduduki lembaga pengarah di dalam empat hingga lima buah syarikat, tambahnya.

Datuk Sanusi juga mengemukakan MARA sedang menilai semua syarikat miliknya untuk melaksanakan program pemindahan milik kepada masyarakat Bumiputera.

"MARA juga akan mengurangkan equiti di dalam syarikat-syarikatnya hingga tidak melebihi 10 peratus," ujar beliau.

Langkah ini adalah sesuai dengan peranan MARA sebagai payung rakyat Bumiputera di negara ini.

Menteri itu berkata, MARA akan menggunakan syarikat tujuannya, Syarikat Pembangunan Industri Kecil Sdn. Bhd., untuk menjadi induk kepada pertumbuhan syarikat-syarikat industri kecil.

Dalam hubungan ini, syarikat itu akan memberi perkhidmatan

pengurusan kepada syarikat-syarikat kecil.

Datuk Sanusi juga memberitahu, MARA sedang merangka satu sistem baru pemberian pinjaman yang dijangka akan mula dilaksanakan bulan depan.

Di bawah sistem itu, MARA akan membuat keputusan yang cepat ke atas sesuatu permohonan pinjaman, sama ada untuk memberi atau menolak permohonan itu.

Usaha ini perlu dijalankan memandangkan terdapat rundingan orang ramai tentang kelewatan MARA memproses permohonan pinjaman.

Beliau juga menjangka, bagi memastikan syarikat-syarikat milik MARA berjalan lancar, semua lembaga pengarah akan dikehendaki mengadakan mesyuarat setiap bulan sekurang-kurangnya dalam masa lima bulan akan datang.

Ahli-ahli lembaga pengarah yang tidak mengadakan mesyuarat akan ditenkikan dan digantung dengan lembaga pengarah yang baru.

Beliau berkata, ketua-ketua eksekutif dan pegawai syarikat pula akan diarahkan mengadakan mesyuarat dua minggu sekali mulai November ini.

Di samping itu, Majlis MARA sendiri akan mengadakan mesyuarat tiap-tiap bulan bagi menilai prestasi dan merangka program-program baru.

Beliau berkata, langkah mengadakan mesyuarat kerpri ini bertujuan memastikan MARA dan syarikat-syarikat miliknya bergerak aktif meningkatkan daya pengeluaran dan kecekapan.